

07/10/2001

Firma insurans tidak wajar dikenakan caj skim anuiti: MTUC

KUALA LUMPUR: Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) menyifatkan tindakan lapan syarikat insurans yang mengumpul RM5 bilion daripada skim anuiti mahu mengenakan caj perkhidmatan tujuh hingga 7.5 peratus daripada jumlah simpanan pencarum yang memilih untuk keluar daripada skim itu sebagai tidak adil dan keterlaluan.

Presiden MTUC, Senator Datuk Zainal Rampak, berkata adalah tidak adil jika syarikat insurans mengenakan caj sebanyak itu sekiranya pencarum ingin keluar daripada skim berkenaan.

Katanya, beliau diberitahu syarikat insurans ingin mengenakan 'denda' itu sedangkan sebelum ini mereka berjanji sekiranya pencarum memilih keluar dari skim itu, mereka dikenakan denda RM50.

Bercakap kepada pemberita selepas majlis konvokesyen Kolej WIT di Petaling Jaya dekat sini semalam, Zainal berkata, sekiranya mereka mengenakan kadar tujuh peratus daripada jumlah caruman, bererti mereka yang mencarum RM60,000 dalam skim itu dikenakan bayaran hampir RM4,000.

Katanya, adalah tidak adil kadar itu sedangkan mereka memperoleh jumlah keuntungan besar dengan pelaburan RM5 bilion ringgit dalam pasaran kewangan.

Menurut Zainal, sebelum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) memansuhkan skim anuiti yang dikelolakan syarikat insurans, sebuah syarikat insurans berjaya mengumpul kira-kira 1.8 bilion.

Skim anuiti itu diperkenalkan Julai 2000, ditangguhkan Mei lalu, berikutan bantahan MTUC. Syarikat insurans yang dilantik sebelum ini ialah John Hancock Life Insurance (M) Bhd, Hong Leong Assurance Bhd, Malaysia National Insurance Bhd, Malaysian Assurance Allied Bhd, Mayban Life Assurance Bhd dan MCIS Insurance Bhd.

Selain itu, dua syarikat takaful turut menyediakan perkhidmatan sama iaitu Syarikat Taakful Malaysia Bhd dan Takaful Nasional Sdn Bhd.

Zainal menyambut baik langkah yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin bahawa KWSP akan mengambil alih sepenuhnya pentadbiran skim anuiti yang sebelum ini diserahkan kepada lapan syarikat insurans itu.

Beliau yakin KWSP mampu membayar saraan bulanan munasabah sekiranya pencarum memilih menyimpan di bawah skim empat, skim anuiti kelolaan kumpulan wang itu.

Mengenai Skim Penamatan Sukarela (VSS), Zainal mahu Menteri Sumber Manusia mengadakan pertemuan dengan pengurusan yang ingin menawarkan skim itu kepada pekerja mereka supaya tidak bertindak sesuka hati.

(END)